

STPM Kertas 1 Set KVK 3: Soalan 2

- (a) Pada 1 Januari 2020, Syarikat Perkilangan Sharad mempunyai baki akaun mesin seperti yang berikut:

Mesin pada kos	RM360,000
Susut nilai terkumpul	RM204,300

Daftar asset mesin yang diperoleh daripada bahagian pengurusan asset bukan semasa menunjukkan yang berikut:

Jenis mesin	Tarikh beli	Kos (RM)
AX141	1 Februari 2014	32,000
AX142	1 Januari 2015	48,000
AX143	30 September 2015	50,000
BX212	1 Oktober 2016	110,000
BX213	1 Oktober 2018	120,000
		360,000

Polisi susut nilai syarikat ini ialah memperuntukkan susut nilai pada kadar 15% atas kos asset. Susut nilai setahun diberikan dalam tahun perolehan dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2020, aktiviti perolehan dan pelupusan mesin bagi syarikat ini adalah seperti yang berikut:

1. Mesin AX141 telah disarakan tanpa apa-apa nilai penyaraan.
2. Mesin AX143 telah dijual pada harga RM13,780.
3. Mesin AX151 telah dibeli dengan membayar wang pendahuluan sebanyak RM25,000 secara cek dan bakinya sebanyak RM50,000 akan dibayar dengan dua ansuran bernilai RM26,000 setiap ansuran. Ansuran, termasuk faedah, telah dijelaskan dalam tahun 2020.
4. Mesin BX213 telah ditukar beli dengan mesin yang sama jenis, iaitu Mesin BX223, yang berharga RM150,000. Mesin baru ini berteknologi tinggi dan juga berkapasiti tinggi. Nilai tukar beli untuk mesin lama telah ditetapkan sebanyak RM90,000. Baki yang perlu dibayar akan dijelaskan secara ansuran bulanan selama 36 bulan pada kadar faedah tetap 6% setahun. Sebanyak 8 ansuran telah dibayar dalam tahun 2020.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal bagi setiap perolehan atau pelupusan serta ansuran yang dibayar yang diberikan di atas.
(10 markah)
- (ii) Hitung belanja susut nilai mesin, susut nilai terkumpul mesin dan nilai bersih mesin serta belanja faedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.
(5 markah)

- (b) Perniagaan Helmi mula mewujudkan peruntukan hutang ragu pada akhir tahun 2018 pada kadar 3% atas baki akaun belum terima. Maklumat berkaitan dengan akaun belum terima dari tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti yang berikut:

Tahun	Baki akaun belum terima sebelum hutang lapuk (RM)	Hutang lapuk (RM)	Hutang lapuk terpulih (RM)
2018	32,800	300	-
2019	40,600	800	220
2020	28,800	-	-

Dikehendaki:

Berdasarkan kepada maklumat di atas, sediakan catatan jurnal untuk merekod belanja hutang ragu, hutang lapuk, peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk terpulih bagi tahun 2018 hingga 2020.

(5 markah)